

16/09/1997

Pesawat pertama mendarat di KLIA

SEPANG, Isnin - Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) menerima pendaratan pertama hari ini, sebuah pesawat Boeing 747-400 milik Penerbangan Malaysia (MAS).

Pendaratan percubaan pesawat di lapangan terbang paling canggih di Asia berharga kira-kira RM9 bilion itu, dilakukan tepat jam 10.26 pagi dengan disaksikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menteri-menteri Kabinet, pegawai kanan kerajaan serta kakitangan MAS dan KLIA Berhad.

Walaupun jarak penglihatan hanya kira-kira 500 meter akibat jerebu tebal, pesawat MH1509 yang dikemudi Kapten Samsudin Zainol Abidin dan Kapten Arshad Abu Bakar itu, mendarat di Landasan Satu KLIA tanpa sebarang masalah.

Pesawat itu berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang kira-kira jam 10 pagi. Setibanya di KLIA, ia bergerak ke lapangan berhenti zon A dan F menuju Pintu 8 Bangunan Terminal Utama.

Turut menyertai penerbangan itu ialah Pengerusi Eksekutif MAS, Tan Sri Tajudin Ramli dan Naib Presiden (Penerbangan), Datuk Basir Ahmad.

Pendaratan percubaan itu adalah sebahagian ujian keberkesanan peralatan dan pegawai operasi di KLIA mengenai kelancaran aliran penumpang, pesawat serta bagasi dan kargo.

Selepas itu, Perdana Menteri dan anggota Kabinet meninjau kemajuan kerja di Terminal Penumpang (PTC 2), Sistem Transit Berlandasan (TTS), Sistem Pemprosesan Check-In Penumpang (PCPS) dan Sistem Kendalian Bagasi (BHS).

KLIA dibangunkan menerusi tiga fasa. Fasa pertama dijangka siap akhir tahun ini dan beroperasi sepenuhnya pada suku pertama tahun depan. Beroperasi 24 jam, KLIA dijangka menampung kira-kira 25 juta penumpang dan sejuta tan kargo setahun pelancarannya.

(END)